


BAB 6 : WANG DAN INSTITUSI KEWANGAN

1. Nyatakan lima ciri wang yang baik. [SPM2004/A/S4(a) – 5 markah]
2. Gambar di bawah menunjukkan iklan komputer daripada Syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd.



Terangkan fungsi wang dalam iklan itu. [SPM2005/A/S4(b) – 4 markah]

3. Gambar di bawah adalah perbualan antara seorang anak dengan bapanya.



Terangkan cara bank pusat mengawal keadaan ekonomi seperti yang dinyatakan dalam perbualan itu. [SPM2005/A/S4(c) – 12 markah]

4. Maklumat berikut merujuk kepada situasi ekonomi sebuah negara.

- Stok barang berlebihan
- Kadar pengangguran meningkat

Huraikan empat cara bank pusat mengawal situasi ekonomi negara tersebut. [SPM2006/A/S3(b) – 12 markah]

5. **Jelaskan** kemudahan overdraf yang disediakan oleh bank perdagangan. [SPM2006/A/S3(c) – 4 markah]
6. **Huraikan** tiga jenis simpanan yang disediakan oleh bank perdagangan. [SPM2006/A/S4(a) – 9 markah]
7. Gambar di bawah menunjukkan perbualan antara dua orang sahabat.




- (i) Mengapa pertukaran barang antara Abu dan Sulaiman tidak berlaku? [4 markah]
- (ii) Bagaimanakah wang dapat mengatasi masalah tersebut? [4 markah]

[SPM2007/A/S4(a)]

8. **Terangkan** dua sumbangan institusi kewangan bukan bank kepada pembangunan ekonomi negara. [SPM2007/A/S4(b) – 4 markah]
9. **Huraikan** tiga jenis wang yang terdapat dalam ekonomi. [SPM2008/A/S4(a) – 9 markah]
10. Gambar 4 dan Gambar 5 berkaitan dengan urus niaga barang.



Gambar 4



Gambar 5

- (i) Apakah sistem urus niaga dalam Gambar 4 dan Gambar 5? [2 markah]
- (ii) Jelaskan tiga kebaikan urus niaga dalam Gambar 4 berbanding Gambar 5. [3 markah]

[SPM2008/A/S4(b)]

11. Bank Pusat telah menurunkan kadar rizab tunai dari rizab berkanun.

- (i) **Jelaskan** maksud rizab tunai dan rizab berkanun. [2 markah]
- (ii) **Jelaskan** tiga kesan perubahan kadar rizab tersebut kepada bank perdagangan. [3 markah]
[SPM2008/A/S4(b)]

12. **Jelaskan** dua persamaan dan dua perbezaan Bank Simpanan Nasional dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). [SPM2008/A/S4(c) – 6 markah]